



## KHUTBAH 'IDUL ADHA

TAJUK : “ANTARA CINTA DAN PENGORBANAN”

TARIKH: 31 JULAI 2020 / 10 ZU AL-HIJJAH 1441

اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ ،

اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ ،

اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ ،

اللَّهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا ، وَسُبْحَانَ اللَّهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا .

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ .  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ  
إِلَى يَوْمِ الدِّينِ .

أَمَّا بَعْدُ ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ .

### MUSLIMIN MUSLIMAT YANG DIRAHMATI ALLAH ﷻ,

Bertaqwalah kepada Allah ﷻ dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala tegahan-Nya. Eratkanlah silaturrahim agar kita beroleh kebahagiaan di dunia dan akhirat. Pada pagi yang penuh barakah ini, marilah kita menghayati khutbah yang bertajuk “**ANTARA CINTA DAN PENGORBANAN**”

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ .

## **MUSLIMIN MUSLIMAT YANG DIMULIAKAN,**

Cinta dan pengorbanan merupakan suatu ujian daripada Allah ﷻ kepada hamba-Nya dalam menjalani liku-liku kehidupan di dunia ini. Setiap pengorbanan yang hakiki lahirnya daripada cinta yang sejati. Kehidupan tanpa pengorbanan tidak mampu menagih kasih dan cinta Ilahi.

Kisah cinta dan pengorbanan yang dirakam dalam al-Quran pada surah as-Saaffat merupakan suatu kisah yang hebat mengenai sebuah keluarga yang dimuliakan oleh Allah ﷻ. Ia adalah kisah keluarga Nabi Ibrahim dan isterinya Siti Hajar, yang sanggup menyembelih anak kesayangan mereka, iaitu Ismail demi meraih cinta dan ketaatan kepada Allah ﷻ.

Inilah nilai pengorbanan yang sangat tinggi di sisi Allah ﷻ kerana ia bukan sahaja menguji kesabaran malah menduga sejauh mana ketaatan dan ketakwaan keluarga ini. Maka, Allah ﷻ menggantikan keazaman dan kesungguhan mereka menjalankan perintah-Nya dengan seekor binatang sembelihan (kibash) yang besar sebagai suatu lambang pengorbanan.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ .

## **MUSLIMIN MUSLIMAT YANG BERBAHAGIA**

Islam adalah agama yang dicintai oleh umatnya, terbina teguh dengan seribu satu pengorbanan. Islam menerapkan kepada umatnya agar memiliki sikap sanggup berkorban demi menegakkan dan mempertahankan maruah agama. Oleh itu, dalam melakukan suatu

pengorbanan, janganlah menganggap ia suatu yang sia-sia. Ini kerana Allah ﷻ menjanjikan ganjaran kebaikan yang besar bahkan mereka yang sanggup berkorban termasuk dalam kalangan yang disayangi dan dicintai oleh tuhanNya.

Firman Allah dalam surah an-Nisa' ayat 125:

وَمَنْ أَحْسَنُ دِينًا مِّمَّنْ أَسْلَمَ وَجْهَهُ لِلَّهِ وَهُوَ مُحْسِنٌ وَاتَّبَعَ مِلَّةَ إِبْرَاهِيمَ حَنِيفًا  
وَاتَّخَذَ اللَّهُ إِبْرَاهِيمَ خَلِيلًا ﴿١٢٥﴾

**Maksudnya:** Dan tidak ada yang lebih baik agamanya daripada orang yang menyerahkan dirinya kepada Allah (dengan ikhlas), sedang dia berusaha mengerjakan kebaikan, dan dia pula mengikut agama Nabi Ibrahim yang lurus (yang tetap di atas dasar tauhid); dan (kerana itulah) Allah menjadikan Nabi Ibrahim kesayangan-Nya.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ .

### MUSLIMIN MUSLIMAT YANG BERBAHAGIA,

Dalam menzahirkan kecintaan kita kepada Allah ﷻ, sudah tentulah suatu pengorbanan yang tulus perlu dibuktikan.

Rasulullah ﷺ bersabda:

مَنْ وَجَدَ سَعَةً فَلَمْ يُضَحِّ فَلَا يَقْرَبَنَّ مُصَلَّانَا

**Maksudnya:** Sesiapa memiliki rezeki yang luas (berkemampuan), tetapi dia tidak mahu melakukan ibadah korban, maka jangan sekali-kali dia dekati tempat solat (masjid) kami.

(Hadis riwayat Imam Ahmad dan al-Hakim)

Sedarlah! selagi kita tidak mampu mengorbankan cinta pada harta dunia yang fana, bagaimana mungkin kita mampu melakukan pengorbanan jiwa di jalan Allah ﷻ yang baqa.

Firman Allah ﷻ dalam surah ar-Rahman ayat 26 - 28:

كُلُّ مَنْ عَلَيْهَا فَانٍ ﴿٢٦﴾ وَيَبْقَىٰ وَجْهُ رَبِّكَ ذُو الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ ﴿٢٧﴾ فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ ﴿٢٨﴾

**Maksudnya:** Segala yang ada di muka bumi itu akan binasa. Dan akan kekal Zat Tuhanmu yang mempunyai Kebesaran dan Kemuliaan. Maka yang mana satu antara nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan?

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي  
هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ .

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،  
لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ،  
اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

## KHUTBAH KEDUA 'IDUL ADHA

اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ ،  
اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ ،  
اللَّهُ أَكْبَرُ ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ .

الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ  
أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى  
آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، وَأُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ،  
فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

وَقَالَ تَعَالَى فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ :  
إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ  
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَالتَّابِعِينَ وَتَابِعِي  
التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ  
الرَّاشِدِينَ سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ  
أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ، يَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

اللَّهُمَّ اعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَانصُرِ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَاجْعَلْ كَلِمَتَكَ  
هِيَ الْعُلْيَا إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، وَاخْذُلِ الْكُفْرَةَ وَالْمُشْرِكِينَ وَالْمُلْحِدِينَ وَالْمُبْتَدِعِينَ،  
وَأَصْلِحْ مَنْ فِي صِلَاةٍ صَالِحَةٍ لِلْإِسْلَامِ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكْ مَنْ فِي هَلَاقِهِ  
صَالِحٌ لِلْإِسْلَامِ وَالْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ يَا اللَّهُ يَا رَحْمَنَ،

Kurniakanlah taufik dan hidayah dengan penuh ri'ayah dan 'inayah kepada raja kami Duli Yang Maha Mulia Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus, Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir, \*Yang Teramat Mulia Dato'-dato' Undang Yang Empat, \*Yang Teramat Mulia Tunku Besar Tampin serta \*Yang Teramat Mulia Tunku Besar Seri Menanti (**\*DISEBUT MENGIKUT LUAK MASING-MASING**), dan pemimpin mukmin sekalian. Penuhilah hari-hari pemerintahan mereka dengan keadilan yang mendatangkan kemakmuran dan kebajikan.

اللَّهُمَّ انصُرْنَا مَعَاشِرَ الْمُسْلِمِينَ وَخَاصَّةً الْأُمَّةَ الْمَلَايُوتِيَّةَ وَاهْدِنَا وَسَدِّدْنَا بِخَيْرِ  
الْبَرِيَّةِ وَاهْدِنَا صِرَاطَكَ الْمُسْتَقِيمَ، صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ  
عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ.

رَبَّنَا لَا تَجْعَلْنَا فِتْنَةً لِّلْقَوْمِ الظَّالِمِينَ ﴿٨٥﴾ وَنَجِّنَا بِرَحْمَتِكَ مِنَ الْقَوْمِ  
الْكَافِرِينَ ﴿٨٦﴾

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٨٧﴾  
عِبَادَ اللَّهِ،

﴿٨٨﴾ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ  
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُم لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِن  
فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،  
لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ،  
اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

**\*(Khatib hendaklah membaca doa untuk D.Y.M.M. Tuanku dan  
doa untuk Y.T.M. Dato' Undang atau doa untuk Y.T.M. Tunku  
Besar Tampin atau doa untuk Y.T.M Tunku Besar Seri Menanti  
mengikut luak masing-masing)**